
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Oktober 2018

Inflasi meningkat pada bulan Oktober 2018




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 0.6% pada bulan Oktober (September: 0.3%), disebabkan oleh inflasi *makanan* dan *pengangkutan* yang lebih tinggi.
- Inflasi *makanan* yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya harga sayur-sayuran segar yang lebih tinggi, manakala kenaikan inflasi *pengangkutan* mencerminkan kesan asas bagi harga petrol RON95, dan harga petrol RON97 yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras pada amnya stabil pada 1.5% pada bulan Oktober (September: 1.4%).


Pertumbuhan IPI keseluruhan mampan pada bulan September 2018



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) secara keseluruhannya meningkat sebanyak 2.3% pada bulan September (Ogos: 2.2%), berikutan pertumbuhan subsektor perkilangan dan elektrik yang lebih teguh. Pengeluaran sektor perlombongan mencatat penguncupan lebih besar disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.
- Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (4.8%; Ogos: 4.3%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pengeluaran produk E&E yang lebih kukuh.

Pembiayaan bersih terus meningkat bagi menyokong aktiviti ekonomi




[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Oktober, pembiayaan bersih[1] mampan pada 7.1% (September: 7.0%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul yang lebih tinggi pada 6.0% (September: 5.7%).
- Pinjaman perniagaan terus kukuh, dengan pertumbuhan jumlah pinjaman perniagaan yang lebih tinggi pada 5.6% pada bulan Oktober (September: 4.5%) disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman kepada bukan PKS yang meningkat pada kadar 10.5% (September: 7.0%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih terus kukuh pada 10.2% (September: 10.8%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 5.9% (September: 6.0%).

Pasaran kewangan domestik terus menerima kesan daripada perkembangan luaran

Prestasi Pasaran Kewangan




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan domestik mencatat aliran keluar portfolio bukan pemastautin pada bulan Oktober, disebabkan terutamanya oleh perkembangan luaran.
  - Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% di tengah-tengah nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang terus kukuh dan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Sentimen positif terhadap dolar AS didorong terutamanya oleh penyiaran data ekonomi AS yang menggalakkan dan penunjuk oleh Federal Reserve AS mengenai cadangan menaikkan kadar faedah selanjutnya.
  - FBM KLCI merosot 4.7%. Ini kerana sentimen pelabur menerima kesan daripada penjualan mendadak ekuiti AS berikutan kegiatan pengambilan untung sebelum pengumuman mengenai perolehan AS. Selain itu, kebimbangan terhadap keadaan pembiayaan yang lebih ketat dalam sektor korporat, seperti dicerminkan oleh kadar hasil Perbendaharaan AS yang lebih tinggi, turut memberikan kesan terhadap sentimen.
  - Kadar hasil MGS 5 tahun kekal stabil dan hanya meningkat sebanyak 4.1 mata asas pada bulan

Bank-bank mempunyai mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan serta memenuhi keperluan yang mendesak

Mudah Tunai dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah perlindungan mudah tunai (liquidity coverage ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada 147%, apabila semua bank mencatat paras LCR melebihi 100% meskipun pelaksanaan sepenuhnya[1] hanya akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.
- Profil pendanaan bank-bank adalah stabil. Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.3% dan 72.7%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/18/07

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1500 pada hari Jumaat, 30 November 2018

SOROTAN BULANAN – OKTOBER 2018

Inflasi meningkat pada bulan Oktober 2018

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 0.6% pada bulan Oktober (September: 0.3%), disebabkan oleh inflasi *makanan* dan *pengangkutan* yang lebih tinggi.
- Inflasi *makanan* yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya harga sayur-sayuran segar yang lebih tinggi, manakala kenaikan inflasi *pengangkutan* mencerminkan kesan asas bagi harga petrol RON95, dan harga petrol RON97 yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras pada amnya stabil pada 1.5% pada bulan Oktober (September: 1.4%).

Pertumbuhan IPI keseluruhan mampan pada bulan September 2018

- Indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) secara keseluruhannya meningkat sebanyak 2.3% pada bulan September (Ogos: 2.2%), berikutan pertumbuhan subsektor perkilangan dan elektrik yang lebih teguh. Pengeluaran sektor perlombongan mencatat penguncupan lebih besar disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.
- Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (4.8%; Ogos: 4.3%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pengeluaran produk E&E yang lebih kukuh.

Pembiayaan bersih terus meningkat bagi menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Oktober, pembiayaan bersih[1] mampan pada 7.1% (September: 7.0%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul yang lebih tinggi pada 6.0% (September: 5.7%).

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul. Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pinjaman perniagaan terus kukuh, dengan pertumbuhan jumlah pinjaman perniagaan yang lebih tinggi pada 5.6% pada bulan Oktober (September: 4.5%) disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman kepada bukan PKS yang meningkat pada kadar 10.5% (September: 7.0%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih terus kukuh pada 10.2% (September: 10.8%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 5.9% (September: 6.0%).

Pasaran kewangan domestik terus menerima kesan daripada perkembangan luaran

- Pasaran kewangan domestik mencatat aliran keluar portfolio bukan pemastautin pada bulan Oktober, disebabkan terutamanya oleh perkembangan luaran.
  - Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% di tengah-tengah nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang terus kukuh dan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Sentimen positif terhadap dolar AS didorong terutamanya oleh penyiaran data ekonomi AS yang menggalakkan dan penunjuk oleh Federal Reserve AS mengenai cadangan menaikkan kadar faedah selanjutnya.
  - FBM KLCI merosot 4.7%. Ini kerana sentimen pelabur menerima kesan daripada penjualan mendadak ekuiti AS berikutan kegiatan pengambilan untung sebelum pengumuman mengenai perolehan AS. Selain itu, kebimbangan terhadap keadaan pembiayaan yang lebih ketat dalam sektor korporat, seperti dicerminkan oleh kadar hasil Perbendaharaan AS yang lebih tinggi, turut memberikan kesan terhadap sentimen.
  - Kadar hasil MGS 5 tahun kekal stabil dan hanya meningkat sebanyak 4.1 mata asas pada bulan itu.

Bank-bank mempunyai mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan serta memenuhi keperluan yang mendesak

- Nisbah perlindungan mudah tunai (liquidity coverage ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada 147%, apabila semua bank mencatat paras LCR melebihi 100% meskipun pelaksanaan sepenuhnya[2] hanya akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

[2] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%. Sumber: Bank Negara Malaysia

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Profil pendanaan bank-bank adalah stabil. Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.3% dan 72.7%.

Bank Negara Malaysia
30 November 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my